

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

SOALAN :

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam menyelenggara premis peniaga yang mengalami kerosakan bumbung sehingga terjadinya litar pintas yang mengakibatkan kebakaran yang besar terhadap kedai-kedai peniaga Bazar Jalan Masjid India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tumpat, hasil laporan forensik daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhubung kejadian kebakaran peniaga Bazar Melayu pada 2hb Mei 2019 memaklumkan punca kebakaran berlaku dikategorikan sebagai kemalangan "*accidental fire*" dan sumber nyalaan "*source of ignition*" daripada kipas yang dibuat sambungan menyebabkan berlakunya litar pintas bukannya daripada kerosakan bumbung yang menyebabkan kebakaran.

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk memantau penyelenggaraan pusat penjaja dan pasar di bawah seliaanya selain daripada aduan daripada pihak penjaja yang berniaga di pusat penjaja dan pasar berkenaan. Pemantauan ini akan diadakan secara berkala ke pusat penjaja dan pasar berkenaan.